



LAPORAN PRESTASI PERBELANJAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023

**Kementerian Kewangan Malaysia
September 2023**

Isi Kandungan

| | |
|--|-----------|
| Pengenalan | 1 |
| Pendahuluan..... | 1 |
| Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2023 | 3 |
| Ekonomi Global | 3 |
| Permintaan | 3 |
| Penawaran..... | 4 |
| Sektor Luaran | 5 |
| Rizab Antarabangsa | 5 |
| Harga | 6 |
| Pasaran Buruh..... | 6 |
| Status Pencapaian Langkah Cukai..... | 8 |
| Status Pencapaian Hasil..... | 10 |
| Status Pencapaian Perbelanjaan | 12 |
| Prestasi Perbelanjaan..... | 12 |
| Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor | 12 |
| Prestasi Perbelanjaan Bagi Maksud Tanggungan | 13 |
| Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan | 13 |
| Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan..... | 14 |
| Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan | 14 |
| Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2023..... | 16 |
| Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan | 24 |
| Penutup..... | 25 |

Pengenalan

Pendahuluan

1. Belanjawan 2023 yang dirangka merupakan langkah pertama dalam menzahirkan kerangka Madani sebagai visi ampuh untuk membawa perubahan bagi membangun semula Malaysia. Selaras dengan tema “Membangun Malaysia Madani”, Belanjawan 2023 dirancang dan digubal berdasarkan enam buah rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, nilai hormat, keyakinan dan ihsan.
2. Walaupun berlaku ketidaktentuan ekonomi global, Kerajaan kekal komited mengharungi pelbagai cabaran, terutamanya dalam pembasmian kemiskinan, peningkatan kos sara hidup, kelangsungan hidup golongan rentan, keterjaminan makanan serta pengupayaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). Kerajaan turut menekankan penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan usaha-usaha menyelenggara infrastruktur asas agar rakyat dapat menikmati kehidupan yang lebih sejahtera.
3. Melalui Belanjawan 2023, Kerajaan berhasrat untuk memperkasa ekonomi yang menyokong pertumbuhan, melaksana reformasi institusi dan tatakelola yang baik untuk meraih semula keyakinan, serta menjamin kesejahteraan rakyat berlandaskan prinsip keadilan sosial. Kerajaan komited untuk memberi tumpuan dalam menaik taraf sosioekonomi rakyat dengan memastikan tiada golongan yang tercicir.
4. Sebagai salah satu usaha menambah baik proses penyediaan laporan tahunan, Kementerian Kewangan (MOF) buat julung kalinya menerbitkan **Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2023**. Hal ini selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan ketelusan serta membina keyakinan awam dalam pengurusan fiskal dan kewangan negara.
5. Penerbitan Laporan Prestasi Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2023 merangkumi prestasi pencapaian negara bagi suku tahun kedua 2023 yang meliputi status pencapaian ekonomi, pencapaian hasil, pencapaian perbelanjaan, pencapaian pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2023 serta pencapaian strategi pinjaman dan hutang kerajaan.

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2023

Pencapaian Ekonomi Bagi Suku Tahun Kedua 2023

Ekonomi Global

6. Pada 2023, pertumbuhan global diunjur kekal perlahan pada 3% disebabkan kesan pandemik COVID-19 yang berterusan, ketegangan geopolitik yang berlarutan, pertumbuhan ekonomi maju dan China yang merosot, serta perdagangan dunia yang lemah. Namun, tekanan inflasi semakin mereda dengan rantaian bekalan pasaran menuju ke arah penstabilan.

Permintaan

7. Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 2.9% dalam tempoh suku kedua 2023 berbanding pertumbuhan 8.8% yang direkodkan pada suku kedua 2022 (S1 2023: 5.6%) berikutan penurunan eksport bersih dan kesan asas yang tinggi daripada tahun lepas. Dari segi pelarasan musim suku tahunan, ekonomi meningkat sebanyak 1.5% berbanding pertumbuhan sebanyak 0.9% pada suku pertama 2023. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada separuh pertama 2023 mencatat pertumbuhan sebanyak 4.2%, sejajar dengan unjuran pertumbuhan ekonomi oleh Kerajaan sebanyak 4.0% hingga 5.0% untuk keseluruhan tahun 2023.

8. Dari sudut permintaan, pertumbuhan disokong oleh permintaan domestik yang kekal mampan disumbangkan oleh perbelanjaan sektor awam dan swasta. Penggunaan swasta berkembang sebanyak 4.3% (S1 2023: 5.9%) berikutan peningkatan yang berterusan dalam perbelanjaan isi rumah. Sementara itu, penggunaan awam meningkat sebanyak 3.8% (S1 2023: -2.2%) disebabkan peningkatan dalam perbelanjaan berkaitan perkhidmatan dan bekalan.

9. Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) mencatat pertumbuhan sebanyak 5.5% (S1 2023: 4.9%). Dari segi jenis aset, pertumbuhan PMTK disumbangkan oleh pelaburan untuk struktur (6%), jentera dan peralatan (4.4%) dan aset lain yang berkembang sebanyak 8.3% terutamanya bagi penyelidikan & pembangunan (R&D), penerokaan mineral serta hiburan. Dari sudut PMTK mengikut sektor, pelaburan swasta meningkat sebanyak 5.1% (S1 2023: 4.7%) manakala pelaburan awam meningkat sebanyak 7.9% (S1 2023: 5.7%) didorong oleh perbelanjaan modal syarikat awam terutamanya dalam segmen minyak dan gas serta pengangkutan.

Penawaran

10. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan merekodkan pertumbuhan positif. Walau bagaimanapun, sektor pertanian dan perlombongan mencatatkan penyusutan dalam aktiviti ekonomi. Sektor perkhidmatan meningkat sebanyak 4.7% (S1 2023: 7.3%) terutamanya disokong oleh pertumbuhan dalam subsektor pengangkutan dan penyimpanan (13.5%); makanan & minuman dan penginapan (9.5%); hartanah dan perkhidmatan perniagaan (8%); perkhidmatan lain (6.7%) dan perkhidmatan Kerajaan (5.5%).
11. Sektor pembuatan mencatat pertumbuhan marginal sebanyak 0.1% (S1 2023: 3.2%) terutamanya disokong oleh pertumbuhan dalam industri berorientasikan domestik melibatkan subsektor produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka (5.4%); makanan, minuman dan tembakau (3.7%); serta peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pemberian (0.7%).
12. Pertumbuhan sektor pembinaan kekal kukuh sebanyak 6.2% (S1 2023: 7.4%) disumbangkan oleh prestasi positif dalam semua subsektor terutamanya subsektor kejuruteraan awam (10%); aktiviti pembinaan pertukangan khas (6.4%); bangunan kediaman (6.1%); dan bangunan bukan kediaman (2.3%). Pertumbuhan ini didorong oleh penyegeeraan pelaksanaan projek infrastruktur, pembinaan perumahan serta bangunan komersial dan perindustrian.
13. Sektor pertanian merosot sebanyak 1.1% (S1 2023: 1%) berikutan penyusutan dalam kebanyakan subsektor kecuali pertanian lain¹, ternakan dan getah. Subsektor kelapa sawit jatuh sebanyak 6.9% akibat pengurangan buah tandan segar berikutan cuaca panas. Subsektor perhutanan dan pembalakan menyusut sebanyak 11.4% akibat pengurangan pengeluaran terutamanya dari Sabah dan Semenanjung Malaysia. Subsektor perikanan menguncup sebanyak 1.5% akibat kemerosotan dalam aktiviti perikanan laut dan akuakultur.

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas

14. Sektor perlombongan menyusut sebanyak 2.3% (S1 2023: 2.4%) berikutan penguncupan dalam subsektor gas asli serta minyak mentah dan kondensat. Prestasi subsektor gas asli merosot 3.6% akibat penutupan loji berjadual di Sarawak dan gangguan operasi di Semenanjung Malaysia manakala subsektor minyak mentah dan kondensat menguncup sebanyak 1.5% berikutan pengeluaran output yang rendah dari Sabah dan Semenanjung Malaysia.

Sektor Luaran

15. Jumlah dagangan menyusut 11.3% kepada RM643.4 bilion disebabkan oleh permintaan luar yang lemah berikutan pertumbuhan di China yang lebih perlahan daripada jangkaan dan penurunan harga komoditi. Eksport kasar berkurangan sebanyak 11.1% kepada RM348.7 bilion berikutan permintaan lebih rendah untuk barang pembuatan, perlombongan dan pertanian daripada pasaran utama. Import kasar juga menyusut sebanyak 11.5% kepada RM294.8 bilion disebabkan oleh penurunan import barang pengantara dan penggunaan walaupun import barang modal mencatat peningkatan. Lebihan dagangan menyusut sebanyak 9.2% kepada RM53.9 bilion.

16. Lebihan akaun semasaimbangan pembayaran berkembang kepada RM9.1 bilion atau 2.1% daripada pendapatan negara kasar (PNK). Lebihan tersebut disumbangkan oleh lebihan dalam akaun barang di samping defisit yang lebih kecil dalam akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan primer.

Rizab Antarabangsa

17. Pada 30 Jun 2023, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM522.1 bilion (USD111.4 bilion), mencukupi untuk membiayai 5.0 bulan import barang dan perkhidmatan, dan 1.0 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Harga

18. Inflasi keseluruhan menyederhana kepada 2.8% (S1 2023: 3.6%) terutamanya disumbangkan oleh segmen restoran & hotel (6.3%) yang didorong oleh kenaikan harga dalam perbelanjaan restoran dan kafe. Selain itu, kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 5.6% berikutan peningkatan 7.8% untuk subkumpulan makanan di luar rumah. Kumpulan utama lain yang mengalami peningkatan ketara termasuk pelbagai barang & perkhidmatan (2.7%) serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (2.6%).
19. Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi pengeluaran tempatan mengikut sektor menguncup sebanyak 4.1% (S1 2023: -0.8%), disebabkan penurunan harga dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan (-24.6%) dan perlombongan (-10.8%). Sebaliknya, bekalan air serta bekalan elektrik dan gas mencatatkan peningkatan sebanyak 3.2% dan 0.8%. Item di bawah IHPR untuk pengeluaran tempatan mengikut peringkat pemprosesan yang mencatatkan kemerosotan ialah bahan mentah untuk pemprosesan selanjutnya (-18.8%), diikuti oleh bahan perantaraan, bekalan dan komponen (-1.6%). Sebaliknya, barang siap mencatat peningkatan sebanyak 3.3%.


Pasaran Buruh

20. Pasaran buruh kekal stabil pada suku kedua 2023 berikutan pewujudan lebih banyak peluang pekerjaan baharu walaupun pertumbuhan ekonomi menyederhana. Justeru, jumlah guna tenaga meningkat 2.8% kepada 16.1 juta orang manakala kadar pengangguran kekal 3.5% atau 581,400 penganggur (S1 2023: 3.5% atau 586,900 penganggur). Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama guna tenaga iaitu 66.2% diikuti oleh sektor pembuatan (16.9%) dan pertanian (9.1%). Selain itu, pertumbuhan gaji dan upah sektor perkhidmatan kekal menggalakkan iaitu 3.9% disumbangkan terutamanya oleh segmen maklumat dan komunikasi serta pengangkutan dan penyimpanan; segmen kesihatan dan pendidikan swasta, kesenian, hiburan dan rekreasi serta perkhidmatan persendirian dan lain-lain aktiviti. Sementara itu, pertumbuhan gaji dan upah sektor pembuatan meningkat sebanyak 3.6% disumbangkan oleh produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut; serta produk makanan, minuman dan tembakau.

Status Pencapaian Langkah Cukai

Status Pencapaian Langkah Cukai

21. Dalam Belanjawan 2023, kerajaan telah mengumumkan 47 langkah cukai bagi mendokong aspirasi ekonomi MADANI. Sehingga 30 Jun 2023, sebanyak 21 langkah cukai telah berjaya dilaksanakan antaranya Program Pengakuan Sukarela Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang dilaksanakan selama setahun, mulai 6 Jun 2023 hingga 31 Mei 2024.
22. Selain itu, antara insentif cukai yang paling signifikan dan memberi manfaat kepada 950 ribu pembayar cukai adalah penurunan kadar cukai pendapatan individu pemastautin sebanyak 2 mata peratusan bagi banjaran pendapatan di antara RM50,001 hingga RM100,000. Sasaran insentif ini adalah untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan M40 dalam menangani cabaran inflasi masa kini.
23. 23 langkah cukai sedang dalam peringkat pra-pelaksanaan seperti penyediaan kertas dasar, libat urus dengan industri, pendrafan dokumen garis panduan dan pindaan perundangan yang berkaitan. 2 langkah cukai sedang dalam fasa pelaksanaan iaitu langkah cukai e-Invois dan Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN) serta Semakan Semula Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 - PITA 4WRD.
24. Manakala terdapat satu langkah cukai yang belum bermula pada tahun 2023 iaitu langkah memperkenalkan kadar cukai efektif minimum di peringkat global (*Global Minimum Tax - GMT*) yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2025 seperti mana komitmen negara lain yang akan melaksanakan GMT pada tahun yang sama. Secara keseluruhannya, ringkasan prestasi pelaksanaan langkah cukai tahun 2023 adalah seperti di **Rajah 1**.



Rajah 1: Prestasi Pelaksanaan Langkah Cukai Tahun 2023

Status Pencapaian Hasil

Status Pencapaian Hasil

25. Hasil Kerajaan Persekutuan pada separuh kedua 2023 meningkat 19.4% kepada RM148.4 bilion (S1 2022: 16.8%; RM124.3 bilion) atau meliputi 51% daripada anggaran hasil dalam Belanjawan 2023. Peningkatan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh hasil cukai yang lebih tinggi. Hasil cukai meningkat 21.2% kepada RM114.9 bilion (S1 2022: 18.3%; RM94.8 bilion) dan mewakili 52.6% daripada unjuran, disumbangkan oleh kutipan hasil yang lebih baik daripada cukai pendapatan serta cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST).
26. Cukai langsung meningkat 28.9% kepada RM87.1 bilion (S1 2022: 15.8%; RM67.6 bilion) disumbangkan oleh peningkatan dalam kutipan cukai pendapatan berjumlah RM82.1 bilion (S1 2022: RM63.1 bilion) berikutan daripada pendapatan syarikat dan individu yang lebih tinggi selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan penggajian yang lebih baik. Cukai tidak langsung juga meningkat 2.1% kepada RM27.8 bilion (S1 2022: 24.8%; RM27.2 bilion) berikutan kutipan SST yang lebih tinggi yang melonjak sebanyak 13.3% kepada RM16.8 bilion (S1 2022: -12.2%; RM14.8 bilion) disumbangkan terutamanya oleh kutipan yang lebih tinggi daripada cukai ke atas kenderaan penumpang, makanan dan minuman, insurans serta telekomunikasi.
27. Hasil bukan cukai pula mencatat RM33.5 bilion (S1 2022: RM29.5 bilion) disumbangkan oleh terimaan hasil yang lebih tinggi daripada lesen dan permit serta pendapatan pelaburan. Hasil daripada lesen dan permit merekodkan sebanyak RM8.5 bilion (S1 2022: RM6.8 bilion) disumbangkan terutamanya oleh royalti petroleum. Di samping itu, pendapatan pelaburan mencatat RM19.9 bilion terutamanya oleh terimaan dividen daripada PETRONAS.

Status Pencapaian Perbelanjaan

Status Pencapaian Perbelanjaan

Prestasi Perbelanjaan

28. Berdasarkan prestasi perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada Jun 2023, prestasi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Perbelanjaan Pembangunan (DE) adalah sebanyak 49% (seperti Jadual 1). Faktor yang menyumbang kepada prestasi perbelanjaan ini adalah perbelanjaan yang lebih tinggi untuk caj persaraan, emolumen, caj khidmat hutang serta subsidi dan bantuan sosial serta peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan.


**Jadual 1: Prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan
(Januari - Jun 2023)**

| Perkara | Peruntukan Asal 2023 (RM bilion) | Peruntukan Dipinda 2023 (RM bilion) | Perbelanjaan (RM bilion) | Peratus Perbelanjaan (%) |
|--------------------------------------|----------------------------------|-------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Perbelanjaan Mengurus (OE) | 289.1 | 289.3 | 143.8 | 50.0 |
| Perbelanjaan Pembangunan (DE) | 97.0 | 97.0 | 44.8 | 46.0 |
| Jumlah | 386.1 | 386.3 | 188.6 | 49.0 |

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2023)

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Sektor

29. Prestasi OE sehingga Jun 2023 adalah sebanyak RM143.8 bilion. Pecahan OE mengikut sektor sehingga Jun 2023 seperti di **Rajah 2**. Tumpuan perbelanjaan utama adalah sektor sosial yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pendidikan dan kesihatan selaras dengan matlamat Belanjawan 2023 dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk semua serta membina semula ketahanan sistem kesihatan negara.



Rajah 2 : Prestasi OE dan DE mengikut Sektor bagi tempoh Januari-Jun 2023

30. Prestasi DE bagi enam bulan pertama tahun ini adalah sebanyak RM44.8 bilion. Sektor Ekonomi mencatatkan perbelanjaan terbesar setakat Jun 2023 dengan penekanan diberikan kepada pelaksanaan semua dasar dan strategi pembangunan khususnya mempercepatkan program jangka pendek (6-12 bulan) bagi merangsang momentum pertumbuhan ekonomi.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Tanggungan

31. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Tanggungan sehingga Jun 2023 adalah sebanyak RM42.3 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Tanggungan adalah seperti di **Lampiran A**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Tanggungan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan pencen, elauan bersara dan ganjaran serta hutang negara.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Bekalan

32. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Bekalan sehingga Jun 2023 adalah sebanyak RM101.5 bilion dan pecahan OE Vot/Dana Bekalan adalah seperti di **Lampiran B**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Bekalan adalah yang melibatkan perbelanjaan berkaitan emolumen dan operasi Kementerian/Agensi serta program-program yang melibatkan subsidi dan kos sara hidup.

Prestasi Perbelanjaan Mengikut Vot/Dana Bagi Maksud Pembangunan

33. Prestasi perbelanjaan mengikut Vot/Dana bagi Maksud Pembangunan sehingga Jun 2023 adalah sebanyak RM44.8 bilion dan pecahan DE Vot/Dana Pembangunan adalah seperti di **Lampiran C**. Tumpuan perbelanjaan bagi Maksud Pembangunan antaranya melibatkan perbelanjaan berkaitan penambahbaikan kemudahan infrastruktur luar bandar, menaiktaraf dan membaiki sekolah dan klinik daif serta projek pembangunan rumah rakyat.

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

34. Bagi separuh pertama 2023, baki semasa mencatatkan lebihan RM4.6 bilion (S1 2022: -RM5.5 bilion), manakala kedudukan fiskal keseluruhan mencatat defisit RM39.4 bilion (S1 2022: -RM45 bilion). Ringkasan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Ringkasan Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan

| RM bilion | 2022 ² | 2023 ³ | 2022 | | | | | 2023 | | |
|-------------------------------|-------------------|-------------------|-------|-------|-------|------|-------|-------|-------|-------|
| | | | Q1 | Q2 | S1 | Q3 | Q4 | Q1 | Q2 | S1 |
| Hasil | 294.4 | 291.5 | 62.7 | 61.6 | 124.3 | 83.3 | 86.8 | 76.2 | 72.2 | 148.4 |
| Belanja mengurus | 292.7 | 289.1 | 64.6 | 65.2 | 129.8 | 69.2 | 93.7 | 66.6 | 77.2 | 143.8 |
| Baki semasa | 1.7 | 2.4 | -1.9 | -3.6 | -5.5 | 14.1 | -6.9 | 9.6 | -5.0 | 4.6 |
| Belanja pembangunan kasar | 71.6 | 97.0 | 16.8 | 13.7 | 30.5 | 15.8 | 25.3 | 26.6 | 18.1 | 44.8 |
| Tolak: Bayaran balik pinjaman | 1.4 | 0.7 | 0.2 | 0.3 | 0.5 | 0.3 | 0.6 | 0.4 | 0.4 | 0.8 |
| Belanja pembangunan bersih | 70.2 | 96.3 | 16.6 | 13.4 | 30.0 | 15.5 | 24.7 | 26.2 | 17.7 | 43.9 |
| Tabung COVID-19 ¹ | 31.0 | - | 5.4 | 4.1 | 9.5 | 5.6 | 15.9 | - | - | - |
| Baki keseluruhan | -99.5 | -93.9 | -23.9 | -21.1 | -45.0 | -7.0 | -47.5 | -16.6 | -22.7 | -39.4 |
| % kepada KDNK | -5.6 | -5.0 | | | | | | | | |

¹ Kumpulan wang amanah khusus yang ditubuhkan di bawah Akta Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 untuk membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi

² Awalan

³ Anggaran belanjawan, tidak termasuk langkah Belanjawan 2023

Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2023

Pencapaian Pelaksanaan Inisiatif Belanjawan 2023

35. Belanjawan 2023 dirumus sebagai langkah pertama yang menelusuri kerangka Pembangunan Malaysia MADANI berlatarbelakangkan cabaran warisan bebanan hutang yang terlalu tinggi, kemerosotan dalam pentadbiran, ketidaktentuan ekonomi dunia, pelaburan yang lebih rendah berbanding prapandemik dan keadaan ekonomi rakyat yang menggusarkan. Ia menumpukan kepada 12 ikhtiar utama berlandaskan tiga tekad iaitu:

Tekad 1: Pemacuan Ekonomi yang Terangkum dan Mampan;


Tekad 2: Reformasi Institusi dan Tatakelola Bagi Memulih Keyakinan; dan

Tekad 3: Keadilan Sosial Untuk Menyederhana Kesenjangan.

36. Sejumlah RM388.14 bilion telah diluluskan yang mana RM289.14 bilion diperuntukkan untuk OE, RM97.0 bilion untuk DE dan RM2.0 bilion sebagai Simpanan Luar Jangka. Di samping itu, turut diumumkan adalah inisiatif-inisiatif yang menggunakan sumber bukan fiskal bernilai RM54.04 bilion yang menyokong Belanjawan 2023.

37. Bagi tujuan pemantauan dan pelaporan, inisiatif-inisiatif di bawah Belanjawan 2023 dibahagikan kepada 2 kategori iaitu:

- i. Inisiatif sedia ada yang dijajarkan kepada Malaysia MADANI; dan
- ii. Inisiatif Strategik Belanjawan 2023.



Rajah 3: Pecahan peruntukan Belanjawan 2023 mengikut kategori inisiatif bagi pemantauan dan pelaporan

Inisiatif Sedia Ada Yang Dijajarkan

38. Daripada keseluruhan peruntukan Belanjawan 2023, sebanyak RM372.88 bilion merupakan peruntukan bagi pelaksanaan inisiatif-inisiatif sedia ada yang dijajarkan kepada Kerangka Pembangunan Malaysia MADANI yang memberi penekanan kepada pengukuhan dari segi tatakelola dan penyesuaian dari segi keberkesanan menyantuni golongan sasar.

39. Sehingga 30 Jun 2023, sebanyak RM31.1 bilion telah dibelanjakan bagi membiayai ikhtiar utama yang digariskan di bawah Belanjawan 2023 yang bertujuan untuk mengurangkan kos beban sara hidup rakyat antaranya:

- i. RM5 bilion bagi bayaran Sumbangan Tunai Rahmah yang memanfaatkan 8.7 juta penerima;
- ii. RM2.6 bilion bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan kepada 1.3 juta penjawat awam dan lebih 1 juta pesara;
- iii. RM6.8 bilion bagi perbelanjaan subsidi bil elektrik yang memanfaatkan 9.7 juta pengguna elektrik;
- iv. RM15.9 bilion bagi perbelanjaan subsidi produk petroleum petrol RON95, diesel dan gas cecair memasak (LPG); dan
- v. RM825 juta bagi Bantuan Awal Persekolahan yang memanfaatkan lebih 5 juta murid.

40. Program Fasiliti Sokongan Akaun 2 di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga telah dilaksanakan dan setakat Jun 2023, lebih 200,000 permohonan diterima dan lebih 59,000 pemohon telah menerima pembiayaan dengan jumlah keseluruhan RM1.19 bilion.

41. Berkuat kuasa 1 Jun 2023, pemilikan rumah pertama menerusi Inisiatif Pemilikan Kediaman Malaysia (i-MILIKI) telah diberi pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman:

- i. Pengecualian duti setem 100% diberi bagi pembelian rumah berharga tidak melebihi RM500,000; dan
- ii. Pengecualian duti setem 75% diberi bagi pembelian rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1,000,000.

42. Kerajaan juga turut bersetuju supaya duti setem ke atas surat cara pindah milik harta tanah secara kasih sayang melibatkan ibu bapa dan anak, datuk nenek dan cucu dikecualikan sepenuhnya terhad kepada RM1,000,000 pertama nilai harta tanah.

43. Beberapa langkah cukai antaranya Program Pengakuan Sukarela (VDP) telah dilaksanakan berkuat kuasa 6 Jun 2023 bagi memberi peluang pembayar cukai mengikrarkan cukai yang kurang/belum/bertanggungan bagi tempoh yang telah ditetapkan.

44. Bagi perbelanjaan peruntukan pembangunan pula, sebanyak RM44.8 bilion telah dibelanjakan setakat 30 Jun 2023. Antaranya adalah bagi pembiayaan projek-projek utama seperti berikut:


- i. Lebuhraya Pan Borneo Sarawak (RM848.0 juta);
- ii. Rapid Transit Sistem Link (RM839.0 juta);
- iii. Jalan-jalan Luar Bandar (RM584.1 juta);
- iv. Lebuhraya Pan Borneo Sabah (RM476.0 juta);
- v. Naik taraf sekolah daif (RM121.4 juta);
- vi. Bekalan air luar bandar (RM66.0 juta);
- vii. Jalan perhubungan desa (RM47.6 juta); dan
- viii. Bekalan elektrik luar bandar (RM31.5 juta).

Inisiatif Strategik Belanjawan 2023

45. Di samping inisiatif sedia ada yang diteruskan dan dijajarkan kepada Kerangka Pembangunan Malaysia MADANI, MOF telah mengenalpasti 265 inisiatif sebagai Inisiatif Strategik yang merupakan inisiatif baharu bagi melengkap dan melonjakkan ekonomi negara ke satu tahap yang lebih tinggi. Kesemua 265 inisiatif strategik ini bernilai RM67.30 bilion yang mana RM13.26 bilion melibatkan suntikan fiskal dan RM54.04 bilion bukan fiskal.


46. Selaras dengan pendekatan Belanjawan 2023, pemantauan dan pelaporan Inisiatif Strategik ini dibuat berlandaskan kepada tiga tekad seperti pecahan di **Rajah 4**. Sebuah jawatankuasa khas juga ditubuhkan bagi memantau kemajuan pelaksanaannya di samping mengenal pasti isu-isu yang memerlukan langkah intervensi dibuat supaya objektif yang ditetapkan dapat dicapai.

INISIATIF STRATEGIK BELANJAWAN 2023



Rajah 4 : Pecahan Peruntukan Inisiatif Strategik Belanjawan 2023 Berdasarkan Tekad

47. Sehingga 30 Jun 2023, sebanyak RM16.06 bilion telah dibelanjakan dengan pecahan RM7.06 bilion di bawah Tekad 1, RM0.75 bilion di bawah Tekad 2 dan RM8.25 bilion di bawah Tekad 3. Status penyaluran dan perbelanjaan adalah seperti di Rajah 5.



Rajah 5 : Status Penyaluran dan Perbelanjaan Inisiatif Strategik Belanjawan 2023

48. Daripada segi status pelaksanaan pula, pemantauan Kementerian Kewangan mendapati 32 inisiatif telah selesai dilaksanakan manakala 233 inisiatif pula dalam pelaksanaan seperti di **Rajah 6**.

| STATUS PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK BELANJAWAN 2023 MENGIKUT TEKAD | | | | |
|---|-----------------|-------|---------|--------------------|
| TEKAD 1 : PEMACUAN EKONOMI MAMPAN | | | | |
| Dalam Pelaksanaan | Perlu Perhatian | Lewat | Selesai | Jumlah |
| ● 93 | ● 0 | ● 0 | 7 | 100 |
| TEKAD 2 : REFORMASI INSTITUSI & TATAKELOLA | | | | |
| Dalam Pelaksanaan | Perlu Perhatian | Lewat | Selesai | Jumlah |
| ● 47 | ● 0 | ● 0 | 8 | 55 |
| TEKAD 3 : KEADILAN SOSIAL | | | | |
| Dalam Pelaksanaan | Perlu Perhatian | Lewat | Selesai | Jumlah |
| ● 93 | ● 0 | ● 0 | 17 | 110 |
| STATUS KESELURUHAN PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK BELANJAWAN 2023 | | | | |
| Dalam Pelaksanaan | Perlu Perhatian | Lewat | Selesai | Jumlah Keseluruhan |
| ● 233 | ● 0 | ● 0 | 32 | 265 |

Rajah 6 : Status pelaksanaan Inisiatif Strategik Belanjawan 2023

49. Terdapat pelbagai inisiatif di bawah Belanjawan 2023 yang menyasarkan setiap kelompok masyarakat bagi memastikan tiada kecinciran. Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memastikan setiap bantuan yang dirangka adalah khusus kepada keperluan golongan sasaran selaras dengan prinsip keadilan dan keterangkuman.

50. Di antara pelaksanaan Inisiatif Strategik Belanjawan 2023 yang memberi impak langsung kepada rakyat adalah sumbangan tunai eBelia Rahmah dengan peruntukan sebanyak RM400 juta. Seramai 2 juta belia yang berumur 18 sehingga 20 tahun atau pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang berdaftar layak menerima kredit e-tunai sebanyak RM200 seorang. Pelaksanaan inisiatif ini antara lain bertujuan memupuk budaya penggunaan pembayaran tanpa tunai (*cashless payment*) di samping sedikit sebanyak meringankan beban kewangan golongan belia.

51. Selain daripada itu, inisiatif berbentuk program latihan dan peningkatan kemahiran juga turut diberi penekanan di bawah Belanjawan 2023. Antara program utama *reskilling* and *upskilling* adalah yang dilaksanakan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDCorp) dengan peruntukan bukan fiskal sebanyak RM1.0 bilion. RM742.0 juta telah dibelanjakan yang memberi manfaat kepada 650,287 peserta dalam memupuk peningkatan kemahiran berterusan, *cross-skilling* dan *multi-skilling* di samping membantu meningkatkan kebolehpasaran mereka. Antara bidang kemahiran yang ditawarkan adalah seperti pembuatan makanan dan minuman, pemasaran dan jualan, teknologi digital dan pembuatan tekstil. Pelaksanaan program-program ini dilihat dapat meningkatkan daya saing pencari kerja sekali gus mempersiapkan mereka untuk kerjaya jangka panjang dalam industri yang mempunyai permintaan tinggi.

52. Sebagai salah satu usaha Kerajaan untuk meringankan beban kewangan rakyat, sebanyak RM6.8 bilion telah dibelanjakan untuk menampung pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisma Pelepasan Kos - Kos Tidak Seimbang atau lebih dikenali sebagai *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi pengguna di Semenanjung Malaysia untuk tempoh 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023. Struktur inisiatif tersebut adalah seperti berikut :

- a) Pelanggan Domestik - semua pelanggan Domestik tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik kerana rebat 2.00 sen/kWj dikekalkan.
- b) Pelanggan Bukan Domestik :
 - i. Pelanggan bukan domestik kategori tarif B dan D iaitu Perdagangan Voltan Rendah (Lower Voltage - LV) dan Perindustrian Voltan Rendah yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) termasuk restoran, kedai runcit, bakeri, bengkel-bengkel kecil dan lain-lain seumpamanya juga tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik kerana surc妖 3.70 sen/kWj dikekalkan;
 - ii. Pelanggan bukan domestik seperti petani, penternak dan pekebun turut juga tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik kerana surc妖 3.70 sen/kWj dikekalkan;
 - iii. Walau bagaimanapun, pelanggan - pelanggan bervoltan sederhana (MV) dan tinggi (HV) daripada kalangan industri termasuk perbadanan multinasional (MNC) akan dikenakan surc妖 pada kadar 20 sen/kWj.

Pencapaian Pelaksanaan Keseluruhan Inisiatif Belanjawan 2023

53. Secara keseluruhannya, sebanyak 12% daripada 265 inisiatif strategik Belanjawan 2023 telah selesai pelaksanaan manakala 88% masih dalam pelaksanaan. Pencapaian Inisiatif Belanjawan 2023 setakat 30 Jun 2023 ini berada di landasan yang tepat dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan. MOF akan terus memantau inisiatif Belanjawan 2023 secara berkala bagi memastikan setiap peruntukan digunakan selari dengan garis masa dan unjuran yang telah dipersetujui bersama Agensi Pelaksana. MOF mendapati komitmen yang ditunjukkan oleh Kementerian dan Agensi Pelaksana dalam melaksanakan program-program yang dirancang adalah pada tahap yang memberangsangkan.

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

Pencapaian Strategi Pinjaman dan Hutang Kerajaan

54. Sehingga akhir Jun 2023, jumlah pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM128.0 bilion iaitu melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) (RM45.5 bilion), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) (RM50.0 bilion) dan Bil Perpendaharaan (RM32.5 bilion). Sebanyak RM63.4 bilion daripada jumlah pinjaman kasar tersebut digunakan untuk membiayai semula hutang yang matang, RM39.4 bilion untuk membiayai defisit fiskal manakala bakinya sebanyak RM25.2 bilion untuk membiayai hutang yang akan matang pada suku ketiga tahun 2023.

55. Pada akhir Jun 2023, hutang Kerajaan Persekutuan merekodkan RM1,145 bilion atau 60.6% daripada KDNK. Sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan adalah berdenominasi ringgit merangkumi 97.3% daripada jumlah hutang, manakala 2.7% adalah dalam mata wang asing. Hutang terkumpul bagi setiap instrumen kekal dalam lingkungan had statutori seperti yang dinyatakan di bawah Akta berkaitan seperti di Jadual 3.

Jadual 3: Perundangan Hutang

| Akta | Had Statutori | Akhir Jun 2023 |
|---|---|--|
| Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637] | MGS, MGII dan MITB terkumpul tidak melebihi 65% daripada KDNK | 58.5% daripada KDNK (RM1,105.2 bilion) |
| Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275] | Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35.0 bilion | RM30.4 bilion |
| Akta Bil Perpendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188] | MTB tidak melebihi RM10.0 bilion | RM4.0 bilion |

¹ Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS)

² Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perpendaharaan Islam Malaysia (MITB)

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penutup

56. Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan pertengahan tahun 2023 Kerajaan Persekutuan adalah seperti mana yang dirancang. Dalam melaksanakan perbelanjaan, Kerajaan akan terus komited bagi memastikan keseimbangan dalam menjaga kesejahteraan rakyat dan memastikan kedudukan fiskal yang kukuh serta mapan. Kerajaan Persekutuan turut komited untuk menambahbaik tadbir urus, akauntabiliti dan ketelusan dalam menguruskan kewangan negara. Tindakan akan dipergiatkan untuk meningkatkan kecekapan sistem percukaian, meningkatkan keberkesanan pengurusan perbelanjaan dan mengurangkan pendedahan risiko fiskal bagi memastikan dasar fiskal yang kukuh dan pengurusan hutang yang berhemat. Kerajaan turut akan melaksanakan pembaharuan fiskal seperti Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (FRA), Strategi Hasil Jangka Sederhana (MTRS) dan semakan semula perbelanjaan awam dalam usaha untuk menyokong agenda pembangunan negara dan melindungi kesejahteraan rakyat.

LAMPIRAN A

PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI MAKSUD TANGGUNGAN (JANUARI - JUN 2023)

| Maksud | Peruntukan Asal 2023 (RM juta) | Peruntukan Dipinda 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|------------|--------------------------------|-----------------------------------|------------------------|---------------------|
| T.1 - T.14 | 83,392.6 | 83,392.6 | 42,309.9 | 51 |

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2023)

LAMPIRAN B

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI MAKSDUD BEKALAN
(JANUARI - JUN 2023)**

| Maksud | Kementerian/ Jabatan | Peruntukan Asal 2023 (RM juta) | Peruntukan Dipinda 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|---------------|---|---|--|-----------------------------------|------------------------------------|
| B.1 | Parlimen Malaysia | 166.7 | 166.7 | 79.4 | 48 |
| B.2 | Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja | 3.6 | 3.6 | 1.2 | 34 |
| B.3 | Jabatan Audit Negara | 160.8 | 160.8 | 78.0 | 48 |
| B.4 | Suruhanjaya Pilihan Raya | 65.5 | 265.5 | 31.2 | 12 |
| B.5 | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | 42.4 | 42.4 | 17.7 | 42 |
| B.6 | Jabatan Perdana Menteri | 4,333.9 | 4,333.9 | 1,956.6 | 45 |
| B.7 | Jabatan Perkhidmatan Awam | 471.5 | 471.5 | 209.0 | 44 |
| B.8 | Jabatan Peguam Negara | 198.3 | 198.3 | 91.9 | 46 |
| B.9 | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia | 312.4 | 312.4 | 142.4 | 46 |
| B.10 | Perpendaharaan | 4,200.0 | 4,200.0 | 1,483.6 | 35 |
| B.11 | Perkhidmatan Am Perpendaharaan | 51,681.7 | 51,431.7 | 25,701.6 | 50 |
| B.12 | Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkunun | 1,443.1 | 1,693.1 | 1,452.3 | 86 |
| B.13 | Kementerian Luar Negeri | 809.6 | 809.6 | 418.2 | 52 |
| B.14 | Kementerian Perpaduan Negara | 541.6 | 541.6 | 277.8 | 51 |
| B.15 | Kementerian Ekonomi | 535.5 | 535.5 | 238.7 | 45 |

| Maksud | Kementerian/ Jabatan | Peruntukan Asal 2023 (RM juta) | Peruntukan Dipinda 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|---------------|---|---|--|-----------------------------------|------------------------------------|
| B.20 | Kementerian Perladangan dan Komoditi | 397.0 | 397.0 | 109.1 | 27 |
| B.21 | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan | 3,775.1 | 3,775.1 | 1,416.7 | 38 |
| B.22 | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | 3,616.4 | 3,616.4 | 1,742.9 | 48 |
| B.23 | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim | 1,674.7 | 1,674.7 | 875.2 | 52 |
| B.24 | Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri | 625.1 | 625.1 | 351.2 | 56 |
| B.25 | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup | 1,191.8 | 1,191.8 | 770.5 | 65 |
| B.26 | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi | 212.1 | 212.1 | 104.4 | 49 |
| B.27 | Kementerian Kerja Raya | 865.3 | 865.3 | 413.9 | 48 |
| B.28 | Kementerian Pengangkutan | 1,544.6 | 1,544.6 | 650.4 | 42 |
| B.30 | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | 673.5 | 673.5 | 298.6 | 44 |
| B.31 | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya | 837.2 | 837.2 | 437.4 | 52 |
| B.40 | Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan | 21.1 | 21.1 | 10.1 | 48 |
| B.42 | Kementerian Kesihatan | 31,500.0 | 31,500.0 | 15,069.3 | 48 |
| B.43 | Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan | 1,774.9 | 1,774.9 | 853.1 | 48 |

| Maksud | Kementerian/ Jabatan | Peruntukan Asal 2023 (RM juta) | Peruntukan Dipinda 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|---------------|---|---|--|-----------------------------------|------------------------------------|
| B.45 | Kementerian Belia dan Sukan | 621.1 | 621.1 | 270.1 | 43 |
| B.46 | Kementerian Sumber Manusia | 845.2 | 845.2 | 395.2 | 47 |
| B.47 | Kementerian Komunikasi dan Digital | 991.4 | 991.4 | 442.0 | 45 |
| B.48 | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 3,197.0 | 3,197.0 | 1,489.7 | 47 |
| B.60 | Kementerian Pertahanan | 11,414.1 | 11,414.1 | 5,657.4 | 50 |
| B.62 | Kementerian Dalam Negeri | 13,803.0 | 13,803.0 | 6,691.3 | 48 |
| B.63 | Kementerian Pendidikan | 49,500.0 | 49,500.0 | 25,284.2 | 51 |
| B.64 | Kementerian Pendidikan Tinggi | 11,700.0 | 11,700.0 | 5,999.3 | 51 |
| Jumlah | | 205,747.4 | 205,947.4 | 101,511.6 | 49 |

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2023)

LAMPIRAN C

**PRESTASI PERBELANJAAN MENGIKUT VOT/DANA BAGI MAKSUD PEMBANGUNAN
(JANUARI - JUN 2023)**

| Maksud | Kementerian/ Jabatan | Peruntukan 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|--------|---|------------------------------|---------------------------|---------------------------|
| P.6 | Jabatan Perdana Menteri | 7,488.3 | 1,860.7 | 25 |
| P.7 | Jabatan Perkhidmatan Awam | 1,003.4 | 409.0 | 41 |
| P.10 | Perbendaharaan | 24,082.4 | 20,151.1 | 84 |
| P.13 | Kementerian Luar Negeri | 161.5 | 37.7 | 23 |
| P.14 | Kementerian Perpaduan Negara | 29.7 | 4.1 | 14 |
| P.15 | Kementerian Ekonomi | 4,200.9 | 974.4 | 23 |
| P.20 | Kementerian Perladangan dan Komoditi | 274.7 | 106.7 | 39 |
| P.21 | Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan | 1,619.1 | 397.5 | 25 |
| P.22 | Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah | 7,424.4 | 3,174.3 | 43 |
| P.23 | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim | 4,864.8 | 1,017.7 | 21 |
| P.24 | Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri | 960.5 | 420.1 | 44 |
| P.25 | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup | 60.8 | 27.6 | 45 |
| P.26 | Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi | 520.2 | 261.5 | 50 |
| P.27 | Kementerian Kerja Raya | 7,573.8 | 2,687.7 | 36 |
| P.28 | Kementerian Pengangkutan | 4,537.4 | 2,508.3 | 55 |
| P.30 | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi | 440.7 | 147.2 | 33 |
| P.31 | Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya | 134.1 | 50.6 | 38 |

| Maksud | Kementerian/ Jabatan | Peruntukan 2023 (RM juta) | Perbelanjaan (RM juta) | Peratus Belanja (%) |
|---------------|---|--------------------------------------|-----------------------------------|------------------------------------|
| P.42 | Kementerian Kesihatan | 4,827.4 | 1,667.7 | 35 |
| P.43 | Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan | 3,558.8 | 1,388.6 | 40 |
| P.45 | Kementerian Belia dan Sukan | 423.4 | 166.9 | 40 |
| P.46 | Kementerian Sumber Manusia | 512.1 | 181.8 | 36 |
| P.47 | Kementerian Komunikasi dan Digital | 1,745.9 | 469.9 | 27 |
| P.48 | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat | 220.2 | 50.5 | 23 |
| P.60 | Kementerian Pertahanan | 6,332.2 | 2,096.6 | 33 |
| P.62 | Kementerian Dalam Negeri | 4,713.6 | 1,690.4 | 36 |
| P.63 | Kementerian Pendidikan | 5,690.8 | 1,132.8 | 20 |
| P.64 | Kementerian Pendidikan Tinggi | 3,599.1 | 1,671.2 | 46 |
| Jumlah | | 97,000.0 | 44,752.3 | 46 |

Sumber: Laporan Prestasi Belanja JANM (Jun 2023)